

Headline	Langkah UMNO jadikan Melaka medan uji sokongan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	05 Oct 2021	Language	Malay
Circulation	82,252	Readership	246,756
Section	Nasional	Color	Full Color
Page No	6	ArticleSize	509 cm ²
AdValue	RM 16,854	PR Value	RM 50,562



Dari kiri, Norhizam, Idris, Noor Effandi dan Nor Azman pada sidang media di LaCrista Hotel, Melaka, semalam.
(Foto Syafieeq Ahmad/BH)

Krisis politik Melaka

Langkah UMNO jadikan Melaka medan uji sokongan

Parti cadang
bubar DUN
+ selesai kemelut
kepemimpinan

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
mohd_iskandar@bh.com.my

Kuala Lumpur: Gesaan UMNO supaya Dewan Undangan Negeri (DUN) Melaka dibubarkan berikutan krisis politik yang berlaku, dilihat sebagai langkah menjadikan negeri berkenaan sebagai simulasi menentukan sokongan terhadap parti itu.

Pensyarah Kanan Pusat Perdana, Fakulti Teknologi dan Informatik Razak, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Dr Mazlan Ali, berkata itu antara senario yang mungkin berlaku sekiranya DUN Melaka dibubarkan yang akhirnya menjurus kepada pilihan raya negeri (PRN).

"PRN boleh berlaku kerana itu yang UMNO selalu tekankan kepada kerajaan PN sebelum ini. Mereka kata perlu dibuat pilihan raya supaya masalah politik di selesaikan segera.

"Mungkin UMNO ingin *test market* (menguji sokongan), menjadikan Melaka sebagai simulasi sama ada mereka masih mendapat sokongan pengundi atau sebaliknya," katanya kepada BH, semalam.

Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi pada sesi perbincangan di Dewan Rakyat semalam, mencadangkan PRN Melaka diadakan bagi memberi semula mandat kepada rakyat memilih kerajaan negeri itu.

Menyifatkan PRN tidak wajar

diadakan susulan pandemik COVID-19, Mazlan berkata, ia tidak dapat dielak jika Yang di-Pertua Negeri Melaka, Tun Mohd Ali Mohd Rustam, memperkenankan supaya DUN dibubarkan.

Katanya, wujud kemungkinan kerajaan negeri sedia ada kekal memerintah sekiranya proklamasi darurat diisytiharkan di Melaka.

"Andai kata Yang di-Pertuan Agong isytiharkan darurat di Melaka, kemungkinan ialah UMNO kekal mengemudi kerajaan negeri di sebabkan faktor darurat.

"Kerajaan negeri tidak tergugat kerana pilihan raya tidak boleh diadakan walaupun Ketua Menteri mempunyai sokongan minoriti," katanya.

Bekas Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Idris Haron, bersama tiga lagi Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Barisan Nasional (BN), Perikatan Nasional (PN) dan Bebas mengumumkan menarik sokongan terhadap kerajaan negeri pimpinan Datuk Seri Sulaiman Md Ali, berkuat kuasa semalam.

Tiga ADUN terbabit adalah Datuk Nor Azman Hassan (BN-Pantai Kundur), Datuk Noor Effandi Ahmad (BERSATU-Telok Mas) dan Datuk Norhizam Hassan Baktee (Bebas-Pengkalan Batu).

Dekan Ghazali Shafie Graduate School of Government, Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Madya Dr Rusdi Omar, berkata Yang di-Pertua Negeri Melaka boleh mengguna pakai proses dilakukan Yang di-Pertuan Agong iaitu memanggil pimpinan parti politik berbincang bagi mencari kesepakatan.

"Mungkin ada konsensus menjurus kepada kerajaan campuran jika ia berlaku, mungkin Ketua Menteri dilantik daripada PH de-

ngan timbalan daripada BN atau PN atau sebaliknya.

"Mengikut proses, Ketua Menteri perlu memaklumkan kepada Yang di-Pertua Negeri Melaka jika sudah hilang majoriti," katanya.

Sementara itu, Profesor Adjung Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Prof Dr Jeniri Amir, berkata apa yang berlaku di negeri itu juga melanggar prinsip perjanjian persefahaman (MoU) yang dimeterai antara kerajaan dan pembangkang di peringkat Persekutuan.

"Apa yang berlaku di Melaka amat mengecewakan di sebelah segala saranan dan titah Yang di-Pertuan Agong supaya kita memberi tumpuan kepada masalah dihadapi negara, namun ia tidak dipedulikan ahli politik.

"Ini yang tidak seharusnya berlaku dalam keadaan negara masih berdepan ancaman pandemik COVID-19, selain mengingkari MoU serta tidak menghormati perjanjian dibuat kedua-dua pihak," katanya.

Sementara itu, penganalisis politik Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Mohd Izani Mohd Zain, berkata tindakan empat ADUN itu hanya menyebabkan krisis semakin memuncak, apatah lagi kerajaan negeri sepatutnya membentangkan bajet tidak lama lagi demi kebahagiaan rakyat.

Ditanya sama ada wajar dilaksanakan PRN bagi menamatkan krisis itu, beliau berkata, ia adalah pilihan terakhir memandang negara masih bergelut dengan ancaman COVID-19.

"PRN adalah jalan terakhir tetapi krisis ini tidak seharusnya berulang kerana kita mengharapkan kestabilan politik dicapai di semua peringkat," katanya.